

24/02/2002

## Souq di Putrajaya

Hafizah Iszahanid

SOUQ? Ramai yang tertawa kecil dan tidak kurang yang mengerut dahi ketika nama itu disebut. Paling tidak bertanya, apa tu? Souq dalam bahasa Arab bermaksud pasar dan jika merujuk pada kamus Iran ia bermaksud jalan yang dipenuhi gerai kecil.

Di Timur Tengah, souq sinonim dengan deretan kedai yang menjual pelbagai barangan pada harga murah dan sentiasa riuh dengan aktiviti tawar-menawar.

Bagi anda yang kali pertama mengunjungi souq, layanan tuan kedai ramah sekali tetapi jaga-jaga, pantas saja tangan anda akan ditarik ke kedai mereka. Souq yang istimewa itu kini berada di Dataran Putra, Putrajaya.

Walaupun tidak menepati konsep sepenuhnya souq seperti Timur Tengah, Souq berdekatan Masjid Putrajaya itu memiliki keunikan yang tersendiri dengan deretan lebih 50 kedai menjual pelbagai barangan. Suatu yang pasti di Souq Putrajaya anda boleh tawar-menawar harga!

Fasa pertama Souq baru saja dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Februari lalu. Fasa kedua dengan lebih 100 gerai pula dibuka tahun depan dengan seribu satu macam lagi barangan.

Seperti pelan pembangunan Putrajaya yang mensasarkannya sebagai destinasi pelancongan negara, pembukaan Souq dilihat sebagai tarikan terbaru ke Putrajaya.

Malah, Putrajaya yang kini mencatat pengunjung seramai lebih 600,000 orang sejak tahun 2000 dijangka akan menarik lebih ramai pelancong. Meliputi kawasan 17.4 kilometer persegi, Souq Putrajaya diilhamkan oleh Pengerusi Suria KLCC, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Ilham tercetus berdasarkan pemerhatiannya di negara Timur Tengah, bazar atau pasar biasanya berada dekat dengan rumah ibadat.

Sama ada pasar rasmi atau sekadar kereta sorong menjual buku agama dan minuman, masjid sebagai pusat tumpuan beribadat sering kalinya menjanjikan pulangan yang lumayan.

Berdasarkan pemerhatian itu, Souq Putrajaya lahir sebagai satu lagi tarikan utama ke sana. Dengan penataan seni hiasan dalamannya bergayakan Timur Tengah, Souq Putrajaya berjaya melahirkan satu suasana yang eksotik dengan keunikan membeli-belah.

Keistimewaan sebenar membeli-belah di Souq adalah kerana di situ terhimpun pelbagai jenis barangan; daripada makanan, tekstil dan kerja seni yang unik dan bermutu tinggi pada harga yang amat berpatutan. Kebanyakan peniaga di sini memiliki pengalaman mengendalikan perniagaan sebegini, malah ada antara mereka yang memiliki rangkaian kedai di Pasar Budaya dan Suria KLCC.

Kepelbagaian barangan di Souq Putrajaya terbahagi kepada lima kategori, hasil kraftangan dan barangan agama, hiasan rumah dan aksesori, cenderamata, fesyen dan tentunya makanan dan minuman. Souq bukan sekadar mengumpulkan barangan tempatan dan etnik dari Borneo tetapi juga pelbagai barangan dari luar negara termasuk Vietnam selain barangan dari Timur Tengah.

Melangkah ke Souq Putrajaya seperti anda berada di Timur Tengah. Dengan alunan suara Amir Diab, anda lupa seketika sebenarnya anda berada di Putrajaya!

(END)